

Rangkaian 5G lonjak daya saing ekonomi

mls: 2
BH-23/7/2022

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menaruh keyakinan rangkaian 5G mampu melonjakkan daya saing ekonomi Malaysia serta tahap produktiviti dan nilai tambah industri.

Keyakinan itu dinyatakan Perdana Menteri semasa menerima kunjungan hormat Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Ericsson, Borje Ekholm di Putrajaya, semalam, yang tertumpu kepada perbincangan status terkini pelaksanaan rangkaian 5G di Malaysia.

Menerusi perkongsian di laman Facebook, Perdana Menteri berka-ta pelaksanaan rangkaian 5G mam-

pu menjadi perintis kepada pembanguan prasarana dan liputan rangkaian 5G.

Beri impak positif

“Saya berharap pelaksanaan rangkaian 5G mampu memberi impak positif terhadap liputan komunikasi kepada Keluarga Malaysia,” katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata pada pertemuan itu, Ericsson turut menyatakan komitmen untuk terus mempergiatkan aktiviti dan pelaburan di Malaysia setelah 57 tahun bertapak di negara ini.

BERNAMA



Ismail Sabri menerima kunjungan Borje Ekholm (tengah) di Pejabat Perdana Menteri, semalam. (Foto ihsan PMO)